



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**

TEKS UCAPAN KATA ALUAN

**YBRS. LT. KOL. NORIZAM BIN SEKAK
PENGARAH
POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA**

**SEMPENA:
MAJLIS PENUTUP
KURSUS SIMEN FERRO BERSAMA PDRM
DAN POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA**

**ANJURAN:
MAKTAB TEKNIK PDRM DAN JABATAN KEJURUTERAAN
AWAM, POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA**

**TARIKH/MASA:
01 OGOS 2025 (JUMAAT)**

**TEMPAT:
RESTORAN KRISTAL
JABATAN PELANCONGAN & HOSPITALITI
POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA**

Terima kasih pengacara majlis.

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI,

Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia Menggamit Dunia dan
Bijak Laksana Tuah, Berani Laksana Jebat.

SALUTASI

Yang Dihormati SAC Zam Halim bin Jamaluddin

Komandan Maktab Teknik PDRM

Yang Dihormati DSP Idora binti Omar

Ketua Pusat Penyelidikan Sumber dan Kajian Bahan, Maktab Teknik
PDRM

Yang Dihormati DSP Rohazlin bin Abd Latif

Pensyarah Kanan Pengajian Automobil dan Marin, Maktab Teknik
PDRM

Yang Dihormati ASP Hairul Azrin bin Abdul Ghani

Ketua Balai Polis Merlimau (wakil rasmi IPD Jasin)

Yang Berusaha Puan Faridatuljana binti Mohd Noor

Timbalan Pengarah (Akademik), Politeknik Merlimau Melaka

Yang Berusaha Ts. Zan Aizuwan bin Zainal Abidin

Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik), Politeknik Merlimau Melaka

Serta:

- a) Ketua Bahagian Logistik dan Teknologi IPD Jasin, Inspektor Muhammad Rasis bin Mesman
- b) Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam, En. Ab Razak bin Ahmat
- c) Pegawai-pegawai kanan PDRM dan Maktab Teknik PDRM
- d) Pensyarah-pensyarah penceramah Kursus Simen Fero
- e) Peserta-peserta Kursus Simen Fero, Bil. 7, Siri 1/2025
- f) Dan hadirin hadirat yang dikasihi sekalian.

PEMBUKA BICARA

Tuan-tuan dan Puan-puan,

1. Alhamdulillah bersyukur dipanjatkan kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, dapat kita bersama-sama berada di Restoran Kristal, Jabatan Pelancongan & Hospitaliti, Politeknik Merlimau Melaka ini bagi menjayakan Majlis Penutup Kursus Simen Fero Bil. 7, Siri 1/2025 anjuran bersama Maktab Teknik PDRM dan PMM. Kami sangat menghargai serta mengalu-alukan kedatangan tuan puan.
2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak PDRM dan Maktab Teknik PDRM atas kesudian memilih Politeknik Merlimau Melaka (PMM) sebagai rakan kolaborasi dalam menjayakan Kursus Simen Fero Bil. 7, Siri 1/2025 kali ini.

PENGENALAN TENTANG PROGRAM

Tuan-tuan, puan-puan dan para hadirin sekalian,

3. Politeknik Merlimau sangat berbesar hati dalam menjalinkan kerjasama dengan pihak PDRM melalui kolaborasi pelbagai aktiviti dan pelaksanaan program. Sebagai contoh pada Februari 2025 yang lalu, "Sukan Piala KPN, Tahun 2025, Fasa 1" telah berlangsung dengan meriahnya di Politeknik Merlimau Melaka
4. Susulan kejayaan penganjuran temasya sukan utama PDRM ini, PMM sekali lagi mendapat kepercayaan pihak PDRM dengan pelaksanaan Kursus Simen Fero Bil 7, Siri 1/2025 yang berlangsung sepanjang 2 minggu di Maktab Teknik PDRM dan di PMM sendiri. Melalui sesi lawatan pada 25 Julai iaitu Jumaat yang lalu, saya berpeluang untuk melihat sendiri papan tanda "I Love MTPDRM" hasil kreativiti, ketekunan dan kerja keras urusetia, penyelarass kursus, barisan pensyarah serta penceramah jemputan dan semua peserta kursus yang sangat komited.
5. Minggu ini pula, pengisian kursus disambung di Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Merlimau dengan sasaran menghasilkan 5 set meja dan kerusi simen fero yang mana dapat disiapkan oleh semua peserta kursus dengan jayanya. Syabas diucapkan kepada semua peserta dan pihak-pihak yang terlibat.

PENUTUP

6. Kami mengharapkan agar peluang kerjasama antara PMM, PDRM dan Maktab Teknik PDRM ini terus diperkasa bersama dengan jayanya. Semoga usaha ini dapat melahirkan modal insan yang lebih cemerlang dan berdaya saing dalam mengukuhkan lagi bidang pendidikan teknik dan vokasional (TVET) di negara kita.
7. Syabas dan tahniah sekali lagi saya ucapkan kepada urusetia, jawatankuasa pelaksana peringkat PMM dan Maktab Teknik PDRM serta semua peserta-peserta kursus yang sangat komited.
8. Saya akhiri ucapan saya dengan Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.